

29 NOV 2002

Mahathir-Umno

PEMILIHAN MAJLIS TERTINGGI TAHUN DEPAN DITANGGUHKAN

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini membuat keputusan menangguhkan pemilihan MT yang dijadualkan pada Jun depan kepada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penangguhan itu adalah bagi membolehkan tumpuan diberikan kepada persediaan menghadapi pilihan raya umum.

"Ini hak MT untuk menangguhkannya selama 18 bulan," katanya pada sidang media selepas mesyuarat MT Umno di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata penangguhan itu perlu supaya para anggota parti dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada persiapan pilihan raya.

"Kita tak tahu bila nak ada pilihan raya, yang kita tahu kita akan ada pilihan raya, dan kita berpendapat bahawa kita tak boleh memesongkan pandangan ahli-ahli Umno daripada tumpuan kepada pilihan raya," katanya.

Ditanya bagaimana Umno akan menentukan calon-calon untuk pilihan raya umum jika pemilihan MT ditangguhkan, beliau berkata calon-calon yang dipilih bukan semata-mata berdasarkan jawatan yang disandang dalam parti.

"Sebenarnya siapa kita nak pilih kita pilih lah, kalau pilih yang berada dalam parti sahaja orang-orang lain tak ada peluanglah," katanya.

Mengenai cabaran yang dijangka dihadapi oleh Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya nanti, Dr Mahathir berkata pihak pembangkang kini sudah mula mula rasa cemas.

"Saya dengar parti pembangkang dah senak perut dah kerana 2.8 juta pengundi yang mereka pindahkan untuk bantu mereka akan kembali ke tempat masing-masing dan takkan lagi ada manipulasi.

"Mereka bukan menang sebenarnya, mereka menang secara penipuan, pindah pengundi apa semua, itulah dia menang, kalau tidak, tak menang," katanya.

Perdana Menteri sementara itu turut memberi peringatan kepada anggota Umno bahawa mereka yang membuat aduan polis mengenai masalah parti akan menghadapi tindakan disiplin termasuk dipecat daripada parti.

MT katanya, akan mengarahkan Lembaga Disiplin parti memanggil anggota yang terbabit untuk mendapatkan penjelasan sebelum sebarang tindakan diambil.

"Kemungkinan ialah tindakan disiplin termasuk dipecat daripada Umno akan diambil terhadap orang yang membuat laporan terhadap polis," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Umno berpendapat kedua-dua orang anggota Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari MCA yang didapati melanggar disiplin parti, perlu dipecat daripada BN.

Perkara itu bagaimanapun perlu diputuskan oleh BN sendiri, katanya.

Kedua-dua Adun terbabit iaitu Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi) telah memilih untuk berkecuali dalam pengundian untuk menolak satu usul pembangkang pada persidangan dewan negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

-- BERNAMA

AFY MAM RZS MOZ